

Headline	Lebih 1,000 penduduk terima manfaat		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	18 Apr 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	3	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm <sup>2</sup>
Journalist	Recqueal Raimi	AdValue	RM 3,909
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,726



KARNIVAL JUALAN SENTUHAN RAKYAT SIRI 3

# Lebih 1,000 penduduk terima manfaat



Penduduk beratur untuk membeli barang keperluan harga lebih murah pada Karnival Jualan Sentuhan Rakyat di pekan Kiulu.

➔ Program tawar harga murah beri banyak penjimatan

Oleh Recqueal Raimi  
cnews@NSTP.com.my

## ► Tuaran

**L**ebih 1,000 penduduk tidak melepaskan peluang mendapatkan barang keperluan dengan harga lebih rendah, selain perkhidmatan menggunakan rambut dan urut kaki yang ditawarkan sempena Karnival Jualan Sentuhan Rakyat Siri 3 di pekan Kiulu di sini, semalam.

Program bermula jam 3 pagi yang julung kali diadakan di pekan itu mendapat kerjasama agensi kerajaan, antaranya Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Suri rumah dari Kampung Ponohouon, Kunnimeh Gugud, 40, berkata program itu memberi peluang kepada penduduk membeli barang keperluan harian dengan harga lebih menjimatkan tanpa caj Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

"Tidak sia-sia saya datang, walaupun terpaksa beratur panjang ketika membayar kerana harganya amat rendah berbanding di kedai runcit atau pasar raya"



Tidak sia-sia saya datang, walaupun terpaksa beratur panjang ketika membayar kerana harganya amat rendah berbanding di kedai runcit atau pasar raya"

**Kunnimeh Gugud,**  
Suri rumah

"Perbezaan paling ketara ialah beras Vietnam dijual pada harga RM22 untuk kuantiti berat 10 kilogram (kg) berbanding RM26 pada harga biasa, manakala sardin dalam tin hanya 50 sen berbanding RM2.30.

"Bagi kami yang berpendapatan sederhana, program ini membolehkan kami berjimat iaitu berbelanja RM80 untuk keperluan selama seminggu.

Jika boleh, program ini diadakan berterusan seperti seminggu sekali," katanya.

## Syor pelbagai barang

Ketua Kampung Ranau-Ranau, Anthony Damit, 58, bersetuju program itu diadakan setiap minggu kerana menjimatkan perbelanjaan termasuk peniaga kecil sepertinya.

"Seperti hari ini, ramai penduduk mendapatkan barangan seperti sayur kubis, minyak masak dalam paket, telur, tepung gandum, gula dan beras yang kesemuanya hampir habis dalam tempoh tiga jam sahaja.

"Saya berharap penganjur mempelbagaikan barangan seperti keperluan mandi dan lampin pakai buang," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kiulu, Datuk Joniston yang meninjau program berkata, penganjuran karnival itu bukan bertujuan memperoleh keuntungan, sebaliknya membantu golongan berpendapatan sederhana atau rendah.